

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
(PORT DICKSON)**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini pembelian peluru berpandu (Starstreak), berapa jumlah nilai pembelian siapakah syarikat yang dipertanggungjawab bagi perolehan peluru berpandu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung perolehan Sistem Pertahanan Udara, *Very Short Range Air Defence* (VSHORAD) Starstreak, perolehan aset ini berdasarkan penggantian kepada Sistem Starburst yang telah ditamatkan perkhidmatan pada tahun 2015 kerana telah mencapai jangka hayat penggunaannya (*shelf life*). Sistem Starburst telah diperolehi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada tahun 1992 dan telah digunakan oleh ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM iaitu Tentera Darat, Laut dan Udara selama 23 tahun.

Keputusan penggantian ini adalah merupakan keputusan dari ATM sendiri sebagai *end user*. Ia dilakukan melalui pendekatan secara holistik yang tidak hanya melibatkan pembelian sistem yang baharu tetapi ia juga melibatkan pelupusan sistem yang lama. Pada masa itu peruntukan adalah terhad dan ATM selaku *end user* telah mencadangkan untuk melaksanakan perolehan Starstreak ini dengan merangkumi pendekatan luar kotak iaitu melalui program *Buy-Back*. Ini demi memastikan tahap kesiagaan dan kemampuan pertahanan negara tetap berada pada tahap

optimum. Walaupun sebenarnya pada ketika itu kita berdepan dengan kekangan dari sudut ekonomi, namun penggantian terhadap Starburst ini tetap dilaksanakan demi keselamatan negara.

Tawaran program *Buy- Back* terhadap sistem Starburst yang pada masa itu akan dilupuskan melibatkan pembelian misil-misil yang telah lupus dan ATM mendapat nilai tambah sebanyak RM60 juta, di mana ATM telah memperolehi 9 buah *Armored Personal Carrier (APC)* yang dihantar terus ke Lubnan bagi penugasan ATM di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang bernilai RM45.1 juta dan perolehan 107 buah kenderaan van domestik untuk pelbagai guna yang merangkumi 81 unit van penumpang, 20 unit van jenazah dan 6 unit ambulan Type C yang bernilai RM14.9 juta.

Sebagai makluman Yang Berhormat, perolehan Starstreak ini telah pun selesai dengan sempurna dan kesemua peralatannya telah diterima pada tahun 2019. Nilai keseluruhan perolehan ini adalah berjumlah RM897 juta dengan kontrak perolehan ini telah dimeterai dengan Syarikat Global Komited Sdn Bhd. Kontrak perolehan syarikat ini juga telah diiktiraf dan diberi penghargaan oleh Yang Berhormat Kota Raja sendiri pada tahun 2019 di atas kejayaan dan pencapaian yang melangkaui obligasi kontrak pelaksanaan *Industrial Collaboration Programme (ICP)*.

Perolehan Starstreak ini telah pun memanfaatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM iaitu Tim Bateri 32 Rejimen Artileri Diraja Tentera Darat, Pasukan Pertahanan Udara (PPU) TLDM dan Skuadron 401 TUDM.

Terima kasih